



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA



TABUNG
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN

**GARIS PANDUAN
DAN MEKANISMA
PERMOHONAN PELAKSANAAN
PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN
OLEH PENYEDIA LATIHAN DI
BAWAH SKIM PEMBIAYAAN
PERKASATVET MADANI (PTM),
PTPK DENGAN KERJASAMA
AGENSI PENYELARAS DI BAWAH
KEMENTERIAN YANG TERLIBAT**

Tarikh Disediakan : 25.06.2024
Tarikh Kemaskini : 21.10.2024
Tarikh Diluluskan : 21.10.2024

**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI
OLEH PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN,
DENGAN KERJASAMA AGENSI PENYELARAS DI BAWAH KEMENTERIAN
YANG TERLIBAT.**

ISI KANDUNGAN

| Bil. | Perkara / Kandungan | Muka surat |
|-------------|---|-------------------|
| 1. | Tujuan | 3 |
| 2. | Tarikh Kuat kuasa | 3 |
| 3. | Latar Belakang | 3 |
| 4. | Tafsiran | 4 |
| 5. | Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI | 5 |
| 6. | Agensi Penyelaras | 5 |
| 7. | Penetapan Penilaian Outcome | 6 |
| 8. | Kriteria Kelayakan Penyedia Latihan | 6 |
| 9. | Program yang dicadangkan | 7 |
| 10. | Kumpulan Sasaran Program | 8 |
| 11. | Mekanisme dan Kaedah Permohonan Oleh Penyedia Latihan Untuk Menjalankan Program Di Bawah Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI | |
| 12. | Elemen Pembiayaan | 11 |
| 13. | Mekanisme dan Kaedah Pembayaran Yuran Latihan | 12 |
| 14. | Penalti | 12 |
| 15. | Tanggungjawab Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) | 13 |
| 16. | Tanggungjawab Agensi Penyelaras | 13 |
| 17. | Tanggungjawab Penyedia Latihan(PL) | 14 |
| 18. | Kuasa Perbadanan | 15 |
| 19. | Pengecualian | 15 |
| 20. | Senarai Lampiran | 15 |
| 21. | Saluran Pertanyaan | 16 |

1 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada Agensi Penyelaras dan serta pegawai Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) berkaitan dengan peraturan penyaluran peruntukan pembangunan kepada Penyedia Latihan berdaftar dengan PTPK bagi melaksanakan program latihan kemahiran di bawah Skim PERKASA TVET MADANI bagi tahun 2024.
- 1.2 Program ini dilaksanakan untuk menggalakkan institusi TVET membangun dan memperkasakan program latihan kemahiran berimpak tinggi seiring keperluan semasa pihak industri.
- 1.3 Fokus utama pembiayaan program adalah berkaitan bidang-bidang industri berimpak tinggi yang diberi nilai tambah selaras perkembangan teknologi semasa seperti industri berasaskan teknologi dan digital , industri elektrik dan elektronik, bernilai tinggi, perindustrian dan asas tani, dan industri nadir bumi.

2 TARIKH KUAT KUASA

- 2.1 Pemakaian *Garis Panduan Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI* ini berkuat kuasa pada Garis Panduan ini diluluskan dan hendaklah terpakai sehingga diganti dengan garis panduan baru.

3 LATAR BELAKANG

- 3.1 Di bawah kerangka Ekonomi MADANI, Kerajaan akan memantapkan sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (*high-growth high value* [HGHV]) meliputi lima bidang iaitu industri berasaskan peralihan tenaga; industri berasaskan teknologi dan digital; industri elektrik dan elektronik bernilai tinggi; perindustrian dan asas tani; dan industri nadir bumi.
- 3.2 Kejayaan perancangan dan dasar komprehensif Kerajaan dalam memacu ekonomi memerlukan dokongan modal insan berkemahiran yang mencukupi secara berterusan. Kerajaan memberi tumpuan terhadap TVET kerana ia berpotensi besar dan menjadi pemacu perubahan dalam aspek pembangunan bakat ini. Sehubungan itu, sejumlah peruntukan besar telah diperuntukkan bagi memastikan program TVET ini berupaya menyediakan latihan yang intensif dan praktikal kepada generasi muda negara.

- 3.3 Justeru itu, dalam ucapan perasmian Hari TVET Negara 2024 pada 8 Jun 2024, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pembiayaan tambahan berjumlah RM200 juta yang akan disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) untuk membiayai beberapa bidang keutamaan iaitu Kenderaan Elektrik; Keselamatan Siber; Kecerdasan Buatan (AI); Bahan Termaju; Teknologi Elektronik; Mekanisasi Ladang; dan Automasi Pertanian dan Penternakan.
- 3.4 Dengan pelaksanaan program TVET yang berimpak tinggi dan memenuhi keperluan industri, peruntukan sebanyak RM200 juta ini dijangka akan menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi selaras dengan aspirasi memperkasa ekosistem TVET bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan.

4 TAFSIRAN

- 3.1 **Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2006** – Akta untuk menubuhkan Tabung Pembangunan Kemahiran, untuk memperbadankan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengannya yang selepas ini disebut sebagai Akta 640;
- 3.2 **Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI** – Dana yang diuruskan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran yang selepas ini disebut sebagai PERKASATVET MADANI;
- 3.3 **Pelatih** – Seseorang yang menerima latihan latihan kemahiran daripada Penyedia Latihan dan memenuhi kriteria pelatih yang ditetapkan;
- 3.4 **Penyedia Latihan (PL)** – Institut latihan Awam dan Swasta yang mengendalikan latihan yang masih aktif pendaftaran dengan PTPK dan diluluskan untuk melaksanakan latihan kemahiran di bawah Skim PERKASA TVET MADANI;
- 3.5 **Program latihan kemahiran** – Suatu program latihan kemahiran yang dijalankan di Malaysia yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan diluluskan oleh PTPK di bawah Seksyen 44 Akta 640;
- 3.6 **Program latihan kemahiran berpakej** - Suatu program latihan kemahiran nilai tambah oleh badan pensijilan yang dipersijilkan oleh program latihan kemahiran yang diiktiraf oleh badan profesional di

peringkat nasional dan antarabangsa) yang diluluskan oleh PTPK di bawah seksyen 44 Akta 640 yang mana program ini dijalankan secara kombinasi dengan Persijilan Kemahiran Malaysia yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.

- 3.7 **Jawatankuasa** – Jawatankuasa yang diwujudkan di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah PTPK iaitu di bawah seksyen 21, Akta Tabung Pembanguna Kemahiran 2006 (Akta 640);
- 3.8 **Tempoh Latihan** – Tempoh latihan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa. Tempoh pelaksanaan latihan bermula pelatih didaftarkan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran sehingga telah selesai memenuhi jam latihan yang ditetapkan;
- 3.9 **Sekretariat** – Cawangan Pendaftaran dan Agihan, Bahagian Pengurusan Pendaftaran Penyedia Latihan & Pembiayaan.

5 PENUBUHAN JAWATANKUASA TEKNIKAL SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI (JKTPTM)

- 5.1 Permohonan akan dinilai oleh dua (2) jawatankuasa yang mana Jawatankuasa Teknikal akan dipengerusikan oleh Ketua Eksekutif PTPK manakala Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran & Agihan, PTPK (JPPA) akan dipengerusikan oleh ahli Lembaga Pengarah PTPK.
- 5.2 Jawatankuasa Teknikal bertanggungjawab untuk melaksanakan saringan dan memperakukan *Request For Proposal* (RFP) yang diterima daripada para agensi penyelaras dalam tempoh yang ditentukan serta memastikan program-program yang mematuhi kriteria sahaja layak diangkat untuk pertimbangan JPPA.
- 5.3 Setelah JPPA,PTPK meluluskan program latihan kemahiran yang berjaya, PTPK akan mengagihkan peruntukan pada PL yang berjaya, memantau pelaksanaan dan melaporkan kemajuan program secara berkala kepada Lembaga Pengarah PTPK.
- 5.4 Terma dan Rujukan Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI seperti di **Lampiran 9**.

6 AGENSI PENYELARAS

6.1 Agensi penyelaras akan membantu mengenalpasti dan membuat penilaian awal bagi program latihan yang dicadangkan oleh PL beserta senarai industri/majikan yang disenaraikan untuk dikemukakan kepada PTPK bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI. Agensi penyelaras mengikut bidang keutamaan adalah seperti berikut:

- a. Kenderaan Elektrik - Institut Automotif Robotik dan (IoT) Malaysia (MARii);
- b. Keselamatan Siber – Agensi Keselamatan Siber Negara (NASCA);
- c. Kecerdasan Buatan (AI) - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT);
- d. Bahan Termaju – Collaborative Research in Engineering Science & Technology (CREST);
- e. Teknologi Elektronik - Collaborative Research in Engineering Science & Technology (CREST);
- f. Mekanisasi Ladang – Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC), Kementerian Perladangan dan Komoditi; dan
- g. Automasi Pertanian dan Penternakan – Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

7 PENETAPAN PENCAPAIAN OUTCOME

7.1 Latihan kemahiran yang dijalankan di bawah Skim adalah berdasarkan kepada konsep **Penempatan dan Latih (Place and Train)** yang mana pelatih hendaklah diberikan penempatan pekerjaan terlebih dahulu di syarikat/industri sebelum menjalani latihan di PL.

7.2 PL perlu memastikan pelatih yang menjalani latihan memenuhi satu atau lebih kriteria outcome seperti yang berikut;

- (i) **Penempatan Pekerjaan / Pengekalan Pekerjaan; atau**
- (ii) **Peningkatan Kerjaya / Kenaikan Pangkat; atau**
- (iii) **Peningkatan Pendapatan.**

8 KRITERIA KELAYAKAN PENYEDIA LATIHAN

- 8.1 PL yang ingin membuat permohonan Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI bagi pihak pelatih mereka hendaklah menjalankan program latihan kemahiran yang ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan diluluskan oleh PTPK.
- 8.2 Tempoh pentauliahan atau pendaftaran Penyedia Latihan (PL), Skim Pembiayaan, program latihan kemahiran dan Pengurus Pusat Bertauliah dengan JPK dan PTPK masih sah dan diluluskan semasa tempoh permohonan.
- 8.3 Terbuka kepada semua Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan PTPK.
- 8.4 Tempoh pendaftaran dengan PTPK masih aktif semasa permohonan dibuat.
- 8.5 PL yang menjalankan program latihan kemahiran sedia ada hendaklah membuat permohonan penambahan Skim Pembiayaan dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran PL dengan PTPK.
- 8.6 PL perlu menjalin kerjasama dengan pihak industri dalam menghasilkan tenaga kerja mahir berasaskan keperluan semasa industri.

9 PROGRAM YANG DICADANGKAN

- 9.1 Program latihan kemahiran dalam bidang-bidang industri berimpak tinggi yang diberi nilai tambah selaras perkembangan teknologi semasa seperti kenderaan elektrik, keselamatan siber, kecerdasan buatan (AI) *Artificial Intelligence*, bahan termaju (*Advanced materials*), teknologi elektrik, mekanisasi ladang serta automasi pertanian dan perladangan.
- 9.2 Program latihan di bawah tujuh (7) bidang keutamaan sahaja dibiayai iaitu:
 - (i) **Kenderaan Elektrik;**
 - (ii) **Keselamatan siber;**
 - (iii) **Kecerdasan buatan (AI);**
 - (iv) **Bahan termaju;**
 - (v) **Teknologi Elektronik;**
 - (vi) **Mekanisasi Ladang; dan**
 - (vii) **Automasi penternakan dan perladangan; atau**

(viii) **Lain-lain bidang relevan dengan keperluan semasa dan masa hadapan industri negara.**

- 9.3 Selain itu, program yang dibiayai merangkumi dua puluh satu (21) sektor yang disenaraikan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP) seperti berikut :
- (i) Aeroangkasa
 - (ii) Elektrik & Elektronik
 - (iii) Kimia
 - (iv) Peralatan Perubatan
 - (v) Farmaseutikal
 - (vi) Digital & ICT
 - (vii) Automotif
 - (viii) Pemprosesan Makanan
 - (ix) Global Services & Professional Services
 - (x) Halal
 - (xi) Pemesinan & Peralatan
 - (xii) Manufacturing – services related
 - (xiii) Metal
 - (xiv) Mineral
 - (xv) Produk berasaskan kelapa sawit
 - (xvi) Produk Petroleum dan Petrokimia
 - (xvii) Kereta api
 - (xviii) Produk berasaskan getah
 - (xix) Shipbuilding & Ship repair
 - (xx) Textile, apparel & footwear; dan
 - (xxi) Wood, paper & furniture
- 9.4 Program yang dicadangkan hendaklah ditauliahkan oleh JPK berdasarkan syarat-syarat yang sedang berkuat kuasa.
- 9.5 Program latihan kemahiran jangka pendek selama **minimum tujuh (7) hari dan maksimum selama enam (6) bulan** sama ada persijilan penuh, *modular, customized* atau Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) bergantung kepada permintaan majikan/industri di bawah Persijilan Kemahiran Malaysia (PKM), Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK).
- 9.6 Pelaksanaan program PKM secara berpakej dengan program nilai tambah (added value programme) amat digalakkan bagi memenuhi keperluan pekerjaan /industri. Persijilan yang dikeluarkan sendiri oleh Penyedia Latihan adalah tidak digalakkan.

- 9.7 Bagi program-program yang bukan PKM, penyedia latihan (PL) perlu membuat pemetaan silibus program terlebih dahulu dengan pihak JPK untuk membolehkan program tersebut dibiayai oleh PTPK;
- 9.8 Latihan hendaklah dikendalikan sendiri oleh PL yang diluluskan di premis yang didaftarkan dengan PTPK.
- 9.9 Pelatih diberikan pekerjaan atau mendapat pekerjaan terlebih dahulu di Syarikat/ Industri dan menjalani latihan di PL berdasarkan kepada konsep ***Place and Train***.
- 9.10 Pelaksanaan latihan sepenuh masa atau separuh masa dan program boleh dilaksanakan secara hibrid yang mana kaedah pembelajaran adalah secara kombinasi iaitu secara bersemuka (dalam kelas) dan juga secara dalam talian (*virtual*).
- 9.11 Kadar pembiayaan setiap program latihan adalah mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.

10 KUMPULAN SASARAN PROGRAM

- 10.1 Pelatih yang layak adalah yang terdiri dari kumpulan sasar yang memenuhi kriteria-kriteria asas seperti berikut;
- (i) Warganegara Malaysia;
 - (ii) **Berumur 15 hingga 55 tahun** pada tahun permohonan;
 - (iii) Bukan seorang yang diisytiharkan muflis;
 - (iv) Mengikuti latihan di Penyedia Latihan (PL) yang berdaftar dengan PTPK;
 - (v) Mengikuti program latihan kemahiran yang diluluskan oleh PTPK di bawah Skim ini;
 - (vi) Mengikuti latihan secara sepenuh masa atau separuh masa yang diluluskan oleh JPK;
 - (vii) Tidak mempunyai sebarang tunggakan dalam pinjaman PTPK terdahulu atau telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK;

- (viii) Tidak mendapat mana-mana pembiayaan atau tajaan daripada agensi Kerajaan atau institusi kewangan yang lain bagi membiayai latihan yang diikuti dalam tempoh latihan;
- (ix) Pelatih hanya boleh menjalani satu program latihan kemahiran skim PERKASA TVET MADANI pada satu-satu masa.
- (x) Kemudahan pembiayaan layak diberikan kepada pelatih sekali sahaja. Pelatih yang pernah mendapat pembiayaan dalam bentuk geran latihan dengan PTPK tidak layak memohon pembiayaan di bawah Skim ini. Walau bagaimanapun pelatih layak mendapatkan kemudahan pinjaman di bawah Skim Pinjaman TVET.

Kriteria Tambahan bagi Mewujudkan Lebih Banyak Segmen TVET

Antara Kumpulan Sasar Khusus yang dikenal pasti memerlukan peluang khusus untuk meningkatkan kualiti hidup dan potensi sosioekonomi isi rumah berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Dalam kalangan masyarakat Orang Asli terutamanya di kawasan pedalaman;
- (ii) Dalam kalangan minoriti/pribumi/bumiputera Sabah & Sarawak yang masih ketinggalan daripada segi pembangunan sosioekonomi;

Kriteria Tambahan bagi Kategori Pekerja Awam/ Swasta

- (i) Pekerja sedia ada yang sedang berkhidmat di majikan/syarikat telah mendapat pelepasan daripada majikan untuk mengikuti latihan kemahiran; - dan
- (ii) Pekerja yang memerlukan latihan kemahiran bagi tujuan untuk peningkatan kemahiran (*upskilling*) atau latihan semula (*reskilling*).

Kriteria Tambahan bagi Kategori Pelatih Lulusan Sekolah/Graduan Lulusan IPTA/IPTS/Graduan Menganggur


- (i) Bukanlah merupakan pelajar sekolah atau pelajar universiti yang masih menuntut atau pelajar yang sedang menjalani latihan industri dalam tempoh latihan;
- (ii) Pelatih yang memerlukan latihan tambahan untuk peluang pekerjaan mengikut kelayakan melalui latihan semula (*reskilling*) bagi tujuan meraih pendapatan yang lebih tinggi;

11 MEKANISME DAN KAEDAH PERMOHONAN OLEH PENYEDIA LATIHAN UNTUK MENJALANKAN PROGRAM DI BAWAH SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI

- 11.1 Iklan tawaran akan dibuka selama tempoh dua (2) minggu kepada semua PL yang berminat bermula **22hb. Januari, 2025** dan akan ditutup pada **7hb. Februari, 2025**. Hebahan akan dibuat melalui laman sesawang PTPK dan semua platform media sosial PTPK.
- 11.2 PL hendaklah mengemukakan permohonan yang akan diisi secara dalam talian melalui pautan <https://tinyurl.com/perkasatvetmadani> dan kemudian mengemukakan dokumen sokongan permohonan kepada PTPK seperti yang berikut :
- a) Senarai Semak berserta Dokumen sokongan yang dikemukakan selepas pengisian maklumat secara dalam talian;
 - b) **Letter of Commitment** (LOC) / **Letter of Agreement** (LOA) / **Memorandum of Agreement** (MOA) antara PL dan Syarikat/ Industri.
- 11.3 Permohonan akan diteliti di peringkat PTPK terlebih dahulu dan akan dibentangkan ke peringkat Jawatankuasa Teknikal PERKASA TVET MADANI yang mana Jawatankuasa ini akan turut menjemput pihak Agensi Penyelaras yang terlibat untuk memberi pandangan dan ulasan terhadap permohonan yang diterima.
- 11.4 Seterusnya, perakuan daripada Jawatankuasa ini akan dibentangkan ke Jawatankuasa Pengurusan dan Agihan, PTPK untuk pertimbangan dan kelulusan.

- 11.5 Surat Tawaran Pelaksanaan Program Latihan Kemahiran akan dikeluarkan kepada PL yang diluluskan selepas jawatankuasa di peringkat kedua iaitu JPPA, PTPK bersidang.
- 11.6 Mekanisme permohonan Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Mekanisma Pengurusan Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI PTPK



- 11.7 Agihan peruntukan kepada PL yang layak adalah berdasarkan kepada kriteria yang berikut:

- (i) Semakan kapasiti yang diluluskan oleh JPK semasa permohonan program dibuat; atau
- (ii) Bilangan pekerja yang diperlukan oleh syarikat/majikan yang dikemukakan semasa cadangan permohonan program, yang mana lebih rendah.
- (iii) Tertakluk kepada kesediaan dana di bawah Skim ini.

12 ELEMEN PEMBIAYAAN

- 12.1 Kadar pembiayaan adalah mengikut kadar yuran semasa yang telah diluluskan oleh PTPK.

- 12.2 Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI akan ditawarkan kepada pelatih dan sekiranya pelatih berjaya menamatkan latihan dan mencapai *outcome* yang ditetapkan, pelatih perlu membuat pembayaran balik pembiayaan sebanyak 20% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan. Tempoh bayaran balik adalah mengikut dasar dan peraturan sedia ada yang berkuat kuasa.
- 12.3 Elemen kadar pembiayaan adalah meliputi:
- a) Yuran Latihan;
 - b) Kos Sara Hidup (KSH) sebanyak RM400 sebulan; dan
 - c) Bayaran Takaful.
- 12.4 KSH hanya diluluskan untuk program latihan kemahiran yang dijalankan melebihi 3 minggu.
- 12.5 Yuran Latihan akan dibayar terus ke akaun bank PL berdasarkan tatacara pembayaran semasa yang berkuat kuasa.
- 12.6 Bayaran Yuran Latihan akan dibuat secara dua (2) fasa iaitu:
- (i) **Fasa 1:**
90 peratus (%) akan dibayar selepas dokumen permohonan berstatus "**PERJANJIAN LENGKAP**".
 - (ii) **Fasa 2:**
Baki Yuran 10 peratus (%) akan dibayar setelah pelatih menamatkan latihan dan mencapai *outcome* Skim yang telah ditetapkan yang diperakukan oleh pihak Agensi Penyelaras.
- 12.7 Bayaran KSH akan dibuat bayaran ke akaun pelatih secara bulanan.
- 12.8 Sekiranya tiada tuntutan daripada PL dan perakuan daripada Agensi Penyelaras selepas 3 bulan pelatih menamatkan latihan, PTPK boleh untuk tidak membayar atau menolak tuntutan Baki Yuran 10% berdasarkan budi bicara mutlaknya.
- 12.9 Di bawah adalah kadar peratus yuran yang layak dituntut oleh PL:

| Status Permohonan Pelatih | Kadar Kelayakan Tuntutan Oleh PL |
|--|---|
| Perjanjian Lengkap | Tuntutan 90 peratus (%) Yuran dibayar setelah berstatus Perjanjian Lengkap. |
| Bulan berikutnya selepas pelatih tamat latihan dan mencapai <i>outcome</i> . | Tuntutan 10 peratus (%) Baki Yuran oleh PL. |

12.10 PL perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah. Pengiraan akan dibuat secara *proportionate* mengikut tempoh pelatih mengikuti latihan sahaja.

12.11 Perincian Permohonan pelatih dan prosedur tuntutan bayaran Skim PERKASA TVET MADANI adalah seperti yang dinyatakan dalam Buku Panduan dan Prosedur Permohonan dan Tuntutan Bayaran Program latihan Kemahiran Skim PERKASA TVET MADANI.

13 MEKANISME DAN KAEDAH PEMBAYARAN LATIHAN

13.1 Setiap permohonan latihan yang dijalankan boleh dibayar setelah:

- (i) Pelatih memulakan latihan dan dokumen telah lengkap diproses serta berstatus “Perjanjian Lengkap” dalam Sistem SPPiv, 90% yuran latihan akan dibayar kepada PL;
- (ii) Manakala bagi Baki Yuran 10% akan dibayar selepas pemantauan outcome dikemukakan kepada PTPK melalui perakuan Agensi Penyelaras sama ada pelatih telah mendapatkan penempatan pekerjaan/kenaikan pangkat/peningkatan kerjaya.

13.2 Pemantauan dan laporan;

- (i) Pemantauan atau proses pengesahan pelatih akan dilakukan secara rawak sama ada sebelum, semasa atau selepas latihan dijalankan; dan
- (ii) Laporan pemantauan pelaksanaan latihan yang dijalankan adalah bertujuan untuk menilai keberkesanan latihan dan pematuhan kepada perjanjian yang ditandatangani.

14 PENALTI & PEMULANGAN SEMULA YURAN

- 14.1 PL perlu **memulangkan semula yuran 90 peratus (90%) yang telah diterima sekiranya syarat seperti di para 7.2 tidak dipenuhi.**
- 14.2 Pelatih perlu untuk menamatkan latihan yang diikuti dan sekiranya gagal, pelatih perlu membayar ganti rugi kepada PTPK sejumlah wang tidak melebihi RM5,000.00 kecuali dengan sebab-sebab yang munasabah seperti kematian atau kecacatan kekal atau menyambung pengajian atau mendapat pekerjaan lain atau apa-apa alasan yang munasabah. Rayuan penalti akan di pertimbangkan oleh Jawatankuasa Khas Rayuan Penalti Skim Pembiayaan, PTPK.
- 14.3 Pelatih yang gagal menamatkan latihan atas apa-apa sebab-sebab perlu mengemukakan borang Pembatalan Pinjaman Latihan Kemahiran/ Bantuan Kewangan (Batal baki) berserta sesalinan dokumen berkaitan kepada PTPK.

15 TANGGUNGJAWAB PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)

- 15.1 PTPK bertanggungjawab:
 - (i) Mengenal pasti dan membuat penilaian awal terhadap pengendali latihan yang akan dicadang untuk melaksanakan program latihan.
 - (ii) Memantau pelaksanaan program dari semasa ke semasa sehingga program tamat dan penempatan pelatih ke dalam industri;
 - (iii) Melaksanakan proses pelantikan dan pengagihan peruntukan kepada PL;
 - (iv) Menyediakan laporan berkala dan laporan impak (selepas tamat program) untuk dibentangkan kepada Lembaga Pengarah PTPK;
 - (v) Menyelaraskan mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASATVET MADANI, PTPK dan JPPA serta membuat pemantauan terhadap pelaksanaan program dari semasa ke semasa; dan
 - (vi) Aktiviti pemantauan pelaksanaan projek.

16 TANGGUNGJAWAB AGENSI PENYELARAS

16.1 Agensi Penyelaras bertanggungjawab :

- (i) Membantu mengenalpasti dan membuat penilaian awal bagi program latihan yang dicadangkan oleh PL beserta senarai industri/majikan yang disenaraikan untuk dikemukakan kepada PTPK bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI;
- (ii) Membantu mengenal pasti dan membuat penilaian terhadap senarai kerjasama antara PL dan syarikat/industri yang dicadangkan oleh PL untuk dikemukakan kepada PTPK bagi penilaian Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI;
- (iii) Membangunkan program *demand driven* untuk *place and train*.
- (iv) Melaksanakan advokasi, fasilitas, padanan dan khidmat nasihat kepada pihak-pihak berkepentingan.
- (v) Menyemak dan memperakukan baki tuntutan 10% yang dikemukakan oleh PL bagi tujuan tuntutan akhir sebelum dikemukakan kepada PTPK; dan

17 TANGGUNGJAWAB PENYEDIA LATIHAN (PL)

17.1 Tanggungjawab PL yang berjaya mendapat kelulusan peruntukkan adalah seperti berikut:

- (i) Menggunakan peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan untuk program yang telah diluluskan sahaja dan tidak boleh menggunakan peruntukan tersebut bagi tujuan meraih keuntungan dan kepentingan lain PL;
- (ii) Melaksanakan program latihan yang telah diluluskan;
- (iii) Mengemukakan Laporan dan Ringkasan Keberkesanan Kursus Pelatih tiga (3) bulan setelah pelatih menamatkan latihan;
- (iv) Mengoptimumkan penggunaan kemudahan latihan yang disediakan di PL;

- (v) Memantau pelaksanaan program dari semasa ke semasa sehingga program tamat;
- (vi) PL perlu mengembalikan yuran yang tidak layak diterima sekiranya pelatih tidak menamatkan latihan atas sebab yang tidak munasabah.
- (vii) Mana-mana PL yang tidak bersetuju dengan syarat-syarat program atau salah satu daripada syarat-syarat program yang ditetapkan dalam Surat Tawaran Pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI, hendaklah mengembalikan Surat Setuju Terima yang dikemukakan berserta justifikasi sebelum tarikh akhir tawaran.
- (viii) Mana-mana PL yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat program yang telah ditetapkan, hendaklah memulangkan semula jumlah yuran yang tidak layak diterima kepada PTPK sekiranya PL menutup operasi.
- (ix) PL hendaklah memulangkan semula apa-apa jumlah yang diterima secara terkhilaf atau terlebih bayar kepada PTPK dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh bayaran diterima.
- (x) Mengemukakan laporan berkala dan laporan impak (selepas tamat program) kepada PTPK.

18 KUASA PERBADANAN

Perbadanan boleh pada bila-bila masa menggantung, membatalkan pendaftaran penyedia latihan jika penyedia latihan melanggar mana-mana peruntukan di dalam Akta Tabung Pembangunan Kemahiran 2004 (Akta 640).

19 PENGECUALIAN

Bagi kes-kes tertentu yang memerlukan pengecualian daripada syarat-syarat di atas hendaklah dirujuk dan mendapat kelulusan daripada Ketua Eksekutif PTPK.

20 SENARAI LAMPIRAN

Senarai dokumen yang digunakan dalam Pelaksanaan Latihan Kemahiran Skim Pembiayaan PERKASA TVET 2.0 Perbadanan Tabung Pembangunan

Kemahiran Dengan Kerjasama Agensi Penyelaras adalah seperti yang berikut :

- 16.1 **Lampiran 1** Senarai Semak Permohonan Penambahan Skim Di bawah Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI
- 16.3 **Lampiran 2** Borang Penambahan Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI
- 16.4 **Lampiran 3** Contoh Sijil Akuan Pentauliahan DAN Surat Kelulusan Pentauliahan bagi setiap program latihan yang dimohon daripada JPK untuk didaftarkan di PTPK.
- 16.5 **Lampiran 4** Borang Cadangan Kadar Yuran
- 16.6 **Lampiran 5** Contoh *Letter Of Intent / Memorandum of Understanding /Letter of Agreement* antara PL dengan pihak berkaitan berhubung penempatan pekerjaan pelatih.
- 16.7 **Lampiran 6** Contoh Sebutharga bagi nilai tambah program yang dicadangkan yang memperincikan struktur yuran, tempoh latihan dan kos-kos latihan yang terlibat.
- 16.9 **Lampiran 7** Terma Rujukan Jawatankuasa Teknikal Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI

21 SALURAN PERTANYAAN

21.1 Sebarang pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dikemukakan kepada Cawangan Pendaftaran & Agihan, Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan (BPPL&P).

21.2 Saluran rasmi platform media sosial Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran seperti di bawah :

- E-mel Khidmat Pelanggan : skillsfund@ptpk.gov.my.
- Aplikasi X : https://twitter.com/PTPK_Official
- Facebook : <https://www.facebook.com/ptpkonline>
- Instagram : https://www.instagram.com/ptpk_online

- TikTok :
https://www.tiktok.com/@ptpk_online?lang=en
- Maklum balas melalui laman sesawang PTPK:
<https://smart.ptpk.gov.my/WebApp/FeedbackENForm.aspx>

Cawangan Pendaftaran & Agihan
Bahagian Pengurusan Penyedia Latihan & Pembiayaan (BPPL&P)
Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia
Oktober 2024



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PENAMBAHAN SKIM
SKIM PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI
PERBADANANTABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

NAMA PENYEDIA LATIHAN : _____

KOD PENYEDIA LATIHAN : _____

*Silalah tandakan (✓) di ruang yang berkenaan

| BIL | DOKUMEN YANG DIPERLUKAN | SEMAKAN (PL) * | SEMAKAN (PTPK) | CATATAN |
|--|--|-------------------|-------------------|-----------------|
| 1. | Surat Iringan. | | | Tarikh terima : |
| 2. | Borang Permohonan Program Baharu | | | |
| 3. | Sijil Akuan Pentauliahan DAN Surat Kelulusan Pentauliahan bagi setiap program latihan yang dimohon daripada JPK untuk didaftarkan di PTPK. | | | |
| 4. | Perincian struktur yuran latihan mengikut program dan tahap latihan mengikut Borang Yuran-01. <i>(jika yuran Persijilan Kemahiran Malaysia belum dibiayai oleh PTPK)</i> | | | |
| 5. | Salinan <i>Letter Of Intent / Memorandum of Understanding / Letter of Agreement</i> antara PL dengan pihak berkaitan berhubung penempatan pekerjaan pelatih. | | | |
| DOKUMEN TAMBAHAN BAGI CADANGAN PROGRAM NILAI TAMBAH (VALUE ADDED) | | | | |
| 6. | Sijil/surat pengesahan PPKN sebagai pusat latihan yang diluluskan untuk menjalankan program nilai tambah. | | | |
| 7. | Sijil Kelayakan Tenaga Pengajar Persijilan Program Nilai Tambah yang dimohon | | | |
| 8. | Jadual pelaksanaan program nilai tambah beserta tempoh latihan | | | |
| 9. | Sebutharga bagi nilai tambah program yang dicadangkan yang memperincikan struktur yuran, tempoh latihan dan kos-kos latihan yang terlibat | | | |
| 10. | Contoh sijil profesional/kompeten yang akan diperolehi selepas tamat latihan program nilai tambah | | | |

Nota: Mohon untuk pastikan dokumen sokongan dikemukakan dengan lengkap.

Agensi Penyelaras yang terlibat :

UNTUK DIISI OLEH PEGAWAI / KAKITANGAN PTPK SAHAJA

| | |
|-----------------------|--------|
| TARIKH LENGKAP | : |
| CATATAN | :..... |

Disediakan oleh :

Disemak oleh :

Disahkan oleh :

**PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

Kementerian Sumber Manusia
 Aras 15-19 & 27, Menara Dato' Onn
 Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
 No 45 Jalan Tun Ismail
 50480 Kuala Lumpur
 No Tel : 03-4047 6000
 No Faks : 03-4047 6084
 E-mel: skillsfund@ptpk.gov.my

BORANG PERMOHONAN PROGRAM BARU / PENINGKATAN TAHAP

(SILA ISI DENGAN MENGGUNAKAN HURUF BESAR)

A. Jenis Penambahan Program (Sila Tandakan ✓)

 Program Baru

 Peningkatan Tahap

B. Butiran Program yang Dijalankan

| Maklumat Penyedia Latihan | | | | | | |
|---|-------------------------------|---|----------|--|--|--|
| 1. | Nama Penuh | | | | | |
| 2. | Kod Penyedia Latihan | | | | | |
| 3. | Alamat Penuh | | | | | |
| 4. | No Telefon | | No Faks. | | E-mel | |
| Maklumat Program Kemahiran Yang Dipohon | | | | | | |
| 1. | Nama Kemahiran | | | | <i>Mengikut Daftar NOSS</i> | |
| 2. | Kod Kemahiran | | | | <i>Mengikut Daftar NOSS</i> | |
| 3. | Tahap Kemahiran yang dipohon. | Tahap 1 / Tahap 2 / Tahap 3 / Tahap 4 / Tahap 5 | | | <i>Potong mana yang tidak berkenaan.</i> | |

| | | | | | |
|----------|---|--|------------------|---|--|
| 4. | Tarikh Pentauliahan Asal <i>(Diisi bagi permohonan pembaharuan pentauliahan sahaja.)</i> | | 4.1 Tarikh Mula | | |
| | | | 4.2 Tarikh Tamat | | |
| 5. | Kelayakan Mengikuti Program | | | | |
| | 5.1. Syarat Kelayakan Masuk Minimum | | | | |
| | 5.2 Had Umur | Minimum | | | |
| | | Maksimum | | | |
| 6. | Maklumat Pengambilan Pelatih | | | | |
| | 6.1 | Kekerapan Pengambilan | | <i>Nyatakan berapa kali setahun</i> | |
| | 6.2 | Bil. Pelatih Maksimum | | <i>Nyatakan bilangan pelatih setiap pengambilan</i> | |
| | 6.3 | Kapasiti Maksimum pada satu-satu masa | | | |
| 7. | Tempoh Latihan (Sertakan jadual latihan mingguan.) | | | | |
| | 7.1. | Jumlah tempoh latihan (bulan) | | | |
| | 7.2. | Tempoh di premis Penyedia Latihan (bulan) | | | |
| | 7.3. | Tempoh di luar premis Penyedia Latihan (bulan) | | | |
| | 7.4. | Di premis Penyedia Latihan | sehari | | (jam) |
| | | | seminggu | | (hari) |
| | 7.5 | Di luar premis Penyedia Latihan | sehari | | <i>Nyatakan jumlah jam latihan yang dibuat diluar spt. OJT, dsbnya jika ada.</i> |
| seminggu | | | | | |

| | | | | | | |
|-----|--|---|---------|---|-----------------------------|--------------------------------|
| 8. | Struktur yuran | Perkara | Tahap 1 | | | |
| | | Pendaftaran/ Penyeliaan/ Latihan/ Peperiksaan | | | | |
| | | Bahan Guna habis | | | | |
| | | Pentadbiran | | | | |
| | | Lain-lain. | | | | |
| | | Jumlah | | | | |
| 9. | Maklumat kelayakan PPB, PPD dan PP (sila sertakan salinan sijil SKM I-031-3 dan sijil SKM program kemahiran yang dipertanggungjawabkan) | | | | | |
| | 9.1 Senarai PPB/PPD/PP | | | | | |
| | Bil. | Nama | No K/P | Jawatan (nyatakan lantikan sbg PPB/PPD/PP) | No. Sijil SKM I-031-3 | |
| | | | | | | |
| 10. | Lokasi latihan dijalankan | | | | | |
| | 10.1. Lakaran pelan lantai bilik kuliah dan bengkel bagi program yang dipohon disertakan. (tandakan ✓ pada ruangan yang berkaitan) | | | | | |
| | | | | | | <input type="checkbox"/> Ya |
| | | | | | | <input type="checkbox"/> Tidak |

| | | | |
|-------|---|-------------------------|----|
| 11. | Rekod Bilangan Pengambilan Pelatih bagi 3 tahun yang lepas (<i>Termasuk yang tidak mengambil pinjaman PTPK</i>) | | |
| Tahun | Bilangan Pengambilan | Bilangan Mendapat Sijil | |
| | | SKM | PC |
| | | | |

C. Pengesahan Pusat Bertauliah

Saya..... No. Kad Pengenalan: (*Nama Orang Yang Membuat Permohonan*) bagi pihak (*) syarikat / persatuan / pertubuhan yang bernama

.....

dengan sesungguhnya mengaku bahawa :-

- pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam borang permohonan ini dan dokumen-dokumen yang dilampirkan adalah benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya;
- tandatangan pada borang permohonan ini adalah dengan tulisan tangan saya; dan
- sepanjang pengetahuan saya, semua anggota pengurusan dan personel lain yang diambil kerja dalam penyedia latihan ini adalah bebas daripada apa-apa rekod jenayah.

Ditandatangani dan diakui oleh saya.

.....

(Tandatangan Pengarah Urusan / Pengurus


Syarikat Penyedia Latihan)

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan & Cop Jawatan:

(Tarikh):



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
DEPARTMENT OF SKILLS DEVELOPMENT

SIJIL PENTAULIAHAN
CERTIFICATE OF ACCREDITATION

Bahawa dengan ini diperakui:

[REDACTED]

NAMA SYARIKAT PEMILIK : -

KOD PUSAT BERTAULIAH : [REDACTED]

telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menawar, mentadbir dan mengekalkan mutu Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia bagi program:

| | | | |
|---|---|------------------------------|---|
| Kategori Pentauliahan | : | PROGRAM MODULAR | |
| Jenis Modul | : | [REDACTED] | |
| Nama Modul | : | ECP IN PLC TECHNOLOGY | |
| Pakej | : | [REDACTED] | |
| Sokongan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri | | | |
| Sokongan Sistem Kejuruteraan Automasi Industri | | C01 | INDUSTRIAL AUTOMATION SYSTEMS DESIGN |

Tempoh Pentauliahan : 01 Oktober 2020 - 30 September 2023

Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran.



[Handwritten Signature]

(Ts. HAJI ZAIHAN BIN SHUKRI)
Ketua Pengarah

Bertarikh : 24 November 2020



5. Jabatan ini boleh membuat pemeriksaan ke atas pusat bertauliah pada bila-bila masa seperti yang diperuntukkan di dalam Seksyen 38 dan 39 Akta 652.

6. Pihak tuan juga diingatkan bahawa penggantungan atau pembatalan sijil pentaullahan seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 29 Akta yang sama boleh dikenakan sekiranya pihak tuan gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Kementerian Sumber Manusia

Nota:

Surat ini adalah janaan komputer dan tidak memerlukan tandatangan.

STRUKTUR LENGKAP YURAN KURSUS

| | |
|-------------------------------|--|
| NAMA PENYEDIA LATIHAN | |
| KOD PENYEDIA LATIHAN | |
| NAMA PROGRAM | |
| KOD PROGRAM | |
| TAHAP | |
| TEMPOH LATIHAN (DI PREMIS) | |
| TEMPOH LATIHAN (OJT) jika ada | |
| MOD LATIHAN | |
| JENIS PEMBIAYAAN / PINJAMAN | |

| BIL | BUTIRAN | JUMLAH (RM) | CATATAN |
|---------------------------|-------------------------|-------------|---------|
| A. | YURAN PENDAFTARAN / | | |
| B. | YURAN PEPERIKSAAN | | |
| C. | YURAN PENYELIAAN | | |
| D. | KOS BAHAN | | |
| | 1. TEORI | | |
| | 2. AMALI | | |
| E. | YURAN BENGKEL/MAKMAL | | |
| F. | YURAN PENTADBIRAN | Dimansuhkan | |
| | MARGIN KEUNTUNGAN (12%) | | |
| | | | |
| JUMLAH KESELURUHAN | | | |

PERINCIAN STRUKTUR YURAN

A. YURAN PENDAFTARAN

| PERKARA | KADAR (RM) | CATATAN |
|---------------|------------|---|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| Jumlah | | Jumlah maksimum adalah RM 470 SAHAJA |

B. YURAN PEPERIKSAAN

| PERKARA | KADAR (RM) | CATATAN |
|---------------|------------|---------|
| | | |
| | | |
| Jumlah | | |

C. YURAN PENYELIAAN

Bayaran untuk setiap pelatih : $(\text{Gaji Asas PP}) \times 1 \text{ PP} \times (\text{Tempoh latihan})$

Maksimum 25 pelatih

| PERKARA | KADAR (RM) | CATATAN |
|---------|------------|---------|
| | | |
| | | |

D. KOS BAHAN

| PERKARA | KADAR(RM) | CATATAN |
|---------------|-----------|--------------------|
| Teori | | |
| | | |
| | | |
| | | * RUJUK LAMPIRAN A |
| | | * RUJUK LAMPIRAN B |
| | | |
| Amali | | |
| | | |
| | | |
| | | * RUJUK LAMPIRAN A |
| | | * RUJUK LAMPIRAN B |
| | | |
| | | |
| Jumlah | | |

* Sila senaraikan keseluruhan bahan mentah digunakan

E. YURAN BENGKEL

| PERKARA | KADAR(RM) | CATATAN |
|---------------|-----------|---------|
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| | | |
| Jumlah | | |

* Masukkan jenis makmal/bengkel

F. YURAN PENTADBIRAN

| PERKARA | KADAR(RM) | CATATAN |
|--------------------|-----------|---------|
| Dimansuhkan | | |

Bahawasanya, Saya _____
 mengesahkan bahawa perincian dan jumlah yuran yang telah dinyatakan adalah **MUKTAMAD** dan tiada pindaan bagi yuran tersebut.

Pengesahan Pengurus Pusat Bertauliah (PPB)

Tandatangan :

Nama PPB :

Cop Rasmi :

Tarikh :

Nota : Maklumat yang telah ditandatangani dan disahkan oleh PPB sahaja yang akan diproses



Phone: [REDACTED]

DATE... 02/01/2023

PERAK

Dear Sir/Madam,

LETTER OF OFFER - INDUSTRY SKILL FOR EMPLOYMENT

We wish to draw your attention on the above matter. Please note that it is our intention to hire trained personnel especially the entry-level employee with our esteem establishment [REDACTED]

Therefore, we are pleased to inform that our company would like to take this opportunity to offer those participant that have attend the **Skim Latihan Kemahirar** programme under

We have communicated with [REDACTED] Sdn Bhd, about the programme and have no hesitation to fulfil the requirement to offer a minimum starting salary of RM1, 500. 00/month to the successful trainees.

We hope that the approval be granted to expedite the programme. We would agree to [REDACTED] requirement for the issuance of the letter of offer to the successful trainees.

Thank you

Yours sincerely,

Manager

QUOTATION



[Redacted]
 [Redacted]
 63000 Cyberjaya, Selangor
 Tel : [Redacted] Fax : + [Redacted]
 E-mail : [Redacted]

Date : 2/2/2023
 Quote No. : [Redacted]
 Our Ref. : [Redacted]
 Terms : COD
 Sales Person : [Redacted]

Energy Efficiency

[Redacted]
 [Redacted]
 [Redacted]
 Attention : Mr. [Redacted]
 Tel : [Redacted] H/P No. : [Redacted]

| NO | DESCRIPTION | QUANTITY | RATE | TOTAL (MYR) |
|----|--|------------|------|-------------|
| 1 | [Redacted] Certification Basic Course Duration : [Redacted] Date : TBC Venue : [Redacted] No. of pax : 100 Pax (Each batch 25 pax) Include : > Training Manual > [Redacted] Dongle > [Redacted] Tutor Fees > Tutor Accommodation & Mileage > Theory and practical exam by [Redacted] > * [Redacted] Certification Upon Passed [Redacted] | [Redacted] | Pax | [Redacted] |
| | Exclude : > Food & Beverage > [Redacted] must provide Class Room or Lab & PC/Laptop with Internet connection | | | |

Amount in words : [Redacted] Ringgit Only MYR [Redacted]

** Goods sold are not returnable & not exchangeable.

Terms and Conditions : Validity, This quotation is valid for 30 Days from date hereof.


Delivery & Installations : As scheduled days upon confirmation with official purchase order and deposit.

Remarks : Cheque should be crossed & made payable

Maybank Account No : [Redacted]

TRE CON BHD

For [Redacted]



(E. & O.E.)

Authorized Signature

Terma Rujukan

Nama : **JAWATANKUASA TEKNIKAL SKIM**
Jawatankuasa : **PEMBIAYAAN PERKASA TVET MADANI**
Punca Kuasa : Bahagian VI dan VII – Akta Tabung
Pembangunan Kemahiran 2004 [*Akta 640*]
Urus Setia : Cawangan Pendaftaran & Agihan, BPPL&P; dan
Agensi Penyelaras

KEANGGOTAAN MESYUARAT

Pengerusi : Ketua Eksekutif, PTPK

Ahli : 1. Pengurus (Bahagian Pengurusan Strategik)
2. Pengurus (Bahagian Pengurusan Pendaftaran
Penyedia Latihan & Pembiayaan)
3. Pengurus (Bahagian Kewangan dan Sumber
Manusia)
4. Penolong Pengurus (Undang-Undang)
5. Wakil Agensi Penyelaras
6. Wakil Agensi Penyelaras mengikut sektor
keutamaan:

- (i) Kenderaan Elektrik - Institut Automotif
Robotik dan IoT Malaysia (MARii);
- (ii) Keselamatan Siber – Agensi Keselamatan
Siber Negara;
- (iii) Kecerdasan Buatan (AI) - Kementerian
Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia;
- (iv) Bahan Termaju – Malaysian Investment
Development Authority (MIDA);
- (v) Teknologi Elektronik - Malaysian Investment
Development Authority (MIDA);
- (vi) Mekanisasi Ladang – Lembaga Pertubuhan
Peladang; dan
- (vii) Automasi Pertanian dan Penternakan -
Lembaga Pertubuhan Peladang.

Kuorum : 3 Ahli (termasuk Pengerusi)

Kekerapan Mesyuarat : Mengikut keperluan

- Fungsi :
1. Menyemak dan menimbang program latihan kemahiran yang akan dibiayai/dijalankan;
 2. Menyemak dan menimbang kadar yuran bagi program latihan kemahiran yang akan dibiayai berdasarkan kadar yuran siling PTPK;
 3. Menyemak dan mengesyorkan permohonan PL yang ingin melaksanakan program/ kursus berdasarkan kriteria-kriteria pendaftaran PL yang ditetapkan di bawah Skim ini;
 4. Meneliti, menyemak dan mengesyorkan permohonan daripada PL yang ingin mendapatkan peruntukan bagi membiayai program latihan kemahiran yang dapat meningkatkan kompetensi serta produktiviti buruh;
 5. Mengesyorkan/memperakukan kepada Jawatankuasa Pendaftaran & Agihan, PTPK berhubung permohonan yang ingin dilaksanakan oleh PL;
 6. Mengkaji, mengesyorkan dan mengenakan sebarang syarat-syarat atau dasar berkaitan pelaksanaan Skim Pembiayaan PERKASA TVET MADANI yang disifatkan perlu dari masa ke semasa;
 7. Mengesyorkan / memperakukan cadangan agihan peruntukan dana pembiayaan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pendaftaran & Agihan, PTPK;
 8. Melaksana semua arahan yang diberikan oleh Kementerian Kewangan dan Lembaga Pengarah untuk memastikan pematuhan pendaftaran penyedia latihan, program kemahiran, kadar pinjaman dan pembiayaan latihan kemahiran sebagaimana diperuntukkan dalam Akta 640; dan
 9. Mengemukakan laporan kemajuan pembiayaan mengikut tempoh – tempoh yang ditetapkan.

LAMPIRAN 4

PERMOHONAN PELAKSANAAN PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN DI BAWAH SKIM PEMBIAYAAN PERKASATVET MADANI, PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN BAGI TAHUN 2025

Sila imbas kod QR ini untuk membuat permohonan



<https://tinyurl.com/perkasatvetmadani>

**Tarikh tutup permohonan : 7hb Februari, 2025
(jam 12:00 tengah hari)**

Penghantaran dokumen sokongan hendaklah dikemukakan sebelum tarikh tutup permohonan.

Sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan ini, sila hubungi pegawai berikut :

Puan Syaidatul Nuraiza Binti Zahari
Penolong Pengurus Kanan
(Cawangan Pendaftaran dan Agihan)

☎ 03-4051 6401

✉ syaidatul@ptpk.gov.my

Puan Siti Hajar Binti Ahmad
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
(Cawangan Pendaftaran dan Agihan)

☎ 03-4051 6402

✉ sitihajarahmad@ptpk.gov.my